



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 45

18hb Januari 2001

No. 2

---

**No. 4.**

PERLEMBAGAAN NEGERI MELAKA

PERLANTIKAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Perkara 7, Fasal (1) dan (2) (b) Perlembagaan Negeri Melaka, Yang di-Pertua Negeri Melaka atas nasihat Ketua Menteri dengan ini melantik mereka yang tersebut di bawah ini menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, mulai 19 Disember 2000.

1. Y.B. Datuk R. Raghavan.

[JKMM (SULIT) 137/9-2.]

CONSTITUTION OF THE STATE OF MALACCA

APPOINTMENT OF THE STATE EXECUTIVE COUNCIL

In exercise of the powers conferred by Article 7 Clause (1) and (2)(b) of the Constitution of the State of Malacca, the Yang di-Pertua Negeri of the State of Malacca on the advice of the Chief Minister hereby appoints the following persons to be members of the State Executive Council with effect from 19th December 2000.

1. Y.B. Datuk R. Raghavan.

[JKMM (SULIT) 137/9-2.]

## AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

## SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

**No. 5.**

## PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

## APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948, Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Majistret Kelas Dua mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2) bersetentangan dengan namanya.

In exercise of the powers conferred by section 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948, the State Authority has appointed the person named in column (1) of the Schedule as Second Class Magistrate with effect from the date specified against his name in column (2) thereof.

## JADUAL/SCHEDEULE

(1)	(2)
1. Tuan Haji Zawawi bin Hj. Ghazali	1-9-2000
2. Encik Harun bin Bujang	1-9-2000

Bertarikh pada 30 November 2000.

Dated 30 November 2000.

[JKMM. 253/7-1 Jld. 4.]

MAEMUN BIN HAJI MD. SABARI,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Melaka/  
Secretary,  
State Executive Council,  
Malacca

## AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

## EXCISE ACT 1976

(Act 176)

**No. 6.**

## MESYUARAT LEMBAGA PERLESENAN ARAK

## LIQUOR LICENSING BOARD MEETING

NOTIS

NOTICE

Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Perlesenan Arak, Melaka Tengah, Negeri Melaka akan diadakan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

## WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

18hb Jan. 2001]

75

- 
2. Semua permohonan untuk lesen-lesen baru, pembaharuan lesen-lesen atau pindahmilik dan tukar alamat hendaklah dibuat di dalam borang “Eksais 27” yang ditetapkan (dalam empat salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Perlesenan Arak Melaka Tengah, di alamat Pejabat Daerah Melaka Tengah. Permohonan yang lewat tidak akan diterima.
3. Permohonan untuk lesen-lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri:
- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu, di bangunan atau tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh dua minggu sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
  - (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam akhbar-akhbar tempatan selama dua hari berturut-turut dalam tempoh yang tersebut, di dalam subperenggan (a), dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke pejabat yang tersebut di atas.

### JADUAL

Tarikh Mesyuarat	Tempoh Lesen	Tarikh Tutup Permohonan
22 Januari 2001	1 Januari 2001 hingga 31 Disember 2001	3 Januari 2001
26 Mac 2001	1 April 2001 hingga 31 Disember 2001	3 Mac 2001
26 Jun 2001	1 Julai 2001 hingga 31 Disember 2001	7 Jun 2001
24 September 2001	1 Oktober 2001 hingga 31 Disember 2001	7 September 2001

[PDMT 4/1-1 Jld IV; PUN(M) 223/6 Klt. 7.]

DATUK HJ. ZAHAR BIN JANTAN,  
Pengerusi,  
Lembaga Perlesenan Arak,  
Melaka Tengah

Notice is given that the Liquor Licensing Board for the District of Central Malacca, in the State of Malacca will hold a meeting on the dates specified in the Schedule.

2. All applications for new licences, renewal of licences or change of ownership and address must be on the prescribed form “Excise 27” (in quadruplicate) and should be submitted to the Chairman of the Central Malacca Liquor Licensing Board addressed to the District Office Central Malacca. Late applications will not be entertained.

3. Applications for new licences must be advertised at the applicant's own expense:

- (a) by displaying a copy of the application at the building or place where the business is to be carried on within a period of two weeks before the meeting takes place; and
- (b) by advertising in local newspapers for two consecutive days within the period mentioned in subparagraph (a), and the cuttings of the advertisement to be submitted to the office mentioned above.

#### SCHEDULE

Date of Meeting	Duration of Licence	Closing Date of Application
22 January 2001	1 January 2001 to 31 December 2001	3 January 2001
26 March 2001	1 April 2001 to 31 December 2001	3 March 2001
26 June 2001	1 July 2001 to 31 December 2001	7 June 2001
24 September 2001	1 October 2001 to 31 December 2001	7 September 2001

[PDMT/4-1 Jld IV; PUN (M) 223/6 Klt. 7.]

DATUK HJ. ZAHAR BIN JANTAN,  
Chairman,  
Liquor Licensing Board,  
Central Malacca

#### No. 7.

#### AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

(Seksyen 8)

#### PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Rezab Jalan.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

18hb Jan. 2001]

77

## JADUAL

Daerah—Alor Gajah. Pekan—Kuala Sungai Baru. No. Lot Ukur—31. Hakmilik atau Kependudukan—Geran 533. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Tay Ming Guan & Co. Ltd. Keluasan Lot—01.80 pole. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—45 meter persegi.

Bertarikh 22 Disember 2000.  
[PTG(M)B/A1/03/1066.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Melaka

### No. 8.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Kompleks Balai Raya.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

## JADUAL

Daerah—Melaka Tengah. Mukim—Bukit Katil. No. Lot Ukur—1034. Hakmilik atau Kependudukan—MCL 210. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Zawiyah bt. Husin dan Abd. Malek bin Husin sebagai Pemegang Amanah. Keluasan Lot—2 rood 26 pole. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—Semua.

Bertarikh 22 Disember 2000.  
[PTG(M)B/A1/03/1068.]

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Melaka

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau diciarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakanan dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA